

PERLEMBAGAAN & PERATURAN KELAB
KELAB RUKUN NEGARA
SK BANDAR UTAMA DAMANSARA (4)

PERATURAN 1: NAMA &ALAMAT

- a. Nama Kelab : KELAB BADMINTON , SK Bandar Utama Damansara (4)
- b. Alamat : SK Bandar Utama Damansara (4), 47800 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

PERATURAN 2 : MATLAMAT

Memberi peluang kepada setiap pelajar untuk mengembangkan potensi secara seimbang dan menyeluruh dalam aspek jasmani, emosi rohani dan intelek., serta mencintai sekolah.

PERATURAN 3 : OBJEKTIF

- 3.1 Supaya ahli dapat menganggotai Kelab Rukun Negara dengan lebih terpimpin dalam menimba ilmu dan memupuk semangat bertanggungjawab dan disiplin diri.
- 3.2 Ahli-ahli akan seberapa daya untuk mencapai kejayaan dalam setiap aktiviti yang diceburi dan ilmu yang dipelajari.

PERATURAN 4 : KEAHLIAN

- 4.1 Dibuka kepada semua murid sekolah ini.
- 4.2 Permohonan menjadi ahli melalui pendaftaran melalui borang yang disediakan ataupun melalui senarai nama yang dikemukakan oleh pihak sekolah.
- 4.3 Ahli mestilah menerima dan bersetuju berpegang dengan Perlembagaan dan mengambil bahagian yang aktif dalam semua aktiviti yang diceburi.

PERATURAN 5 : GURU PENASIHAT

5.1 Guru Penasihat mestilah guru yang bertugas di sekolah ini.

5.2 Guru Penasihat hendaklah memberi nasihat dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu aktiviti.

PERATURAN 6 AHLI JAWATANKUASA

6.1 Dilantik semasa mesyuarat.

6.2 Pemilihan jawatankuasa secara undian.

6.3 Ahli Jawatankuasa Kecil boleh dilantik atas budi bicara Guru Penasihat tanpamengadakan mesyuarat.

6.4 AJK yang hendak meletak jawatan hendaklah menghantar surat perletakan jawatan kepada Guru Penasihat.

6.5 Ahli Jawatankuasa Kelab hendaklah terdiri:

6.6.1 Pengerusi

6.6.2 Naib Pengerusi

6.6.3 Setiausaha

6.6.4 Bendahari

6.6.5 Ahli Jawatankuasa (bilangan bergantung kepada keperluan)

PERATURAN 7 : KEWANGAN

7.1 Perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis Guru Besar SK Bandar Utama Damansara (4) terlebih dahulu untuk perkara-perkara yang berkaitan dengan kewangan.

PERATURAN 8 : KEHADIRAN/PENYERTAAN

8.1 Ahli Kelab dikehendaki menghadiri semua aktiviti yang dijalankan oleh kelab sepanjang tahun.

8.2 Kegagalan berbuat demikian sebanyak tiga kali berturut-turut dikehendaki menulis surat tunjuk sebab. Tindakan memotong markah kehadiran dalam penilaian kokurikulum boleh diambil sekiranya gagal berbuat demikian.

PERATURAN 9 : AKTIVITI

9.1 Dijalankan seperti yang dirancang dalam mesyuarat agong atau mesyuarat ahli jawatankuasa.

9.2 Sebarang pindaan aktiviti boleh dilakukan atas budi bicara Guru Penasihat dan diumumkan kepada ahli-ahli.

PERATURAN 10 : PERATURAN-PERATURAN

10.1 Peraturan sekolah adalah peraturan asas.

10.2 Peraturan khas yang ditetapkan hendaklah dipatuhi oleh semua ahli.

10.3 Ahli-ahli yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan tatatertib.

PERATURAN 11 : TINDAKAN DISIPLIN

11.1 Diambil terhadap ahli yang melanggar perlembagaan persatuan dan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

11.2 Tindakan disiplin adalah mengikut cara berikut:

11.2.1 Amaran lisan

11.2.2 Amaran bertulis

11.3 Ahli yang tidak berpuashati boleh membuat rayuan kepada Guru Penasihat Kelab secara bertulis dan keputusan Guru Penasihat adalah muktamad.

PERATURAN 12 : PINDAAN PERLEMBAGAAN

12.1 Mana-mana bahagian dalam perlembagaan ini sah sehingga ia dipinda.

12.2 Cadangan pindaan boleh dibuat oleh mana-mana ahli yang sah.

12.3 Mesyuarat Khas yang dihadiri oleh Guru Penasihat dan AJK akan membincangkan dan meluluskan jika perlu.

12.4 Setiap pindaan hendaklah diluluskan oleh PK Koku atau Guru Besar.

PERATURAN 13 : PEMBUBARAN KELAB

13.1 Guru Besar berkuasa untuk membubarkan kelab jika didapati melanggar perlembagaan dan Falsafah Pendidikan Negara.

PERATURAN 14 : LAIN-LAIN

14.1 Setiap ahli perlu mengetahui tanggungjawab sendiri terhadap aktiviti yang dijalankan.

14.2 Ahli-ahli hendaklah sentiasa peka dan mengikuti aktiviti dengan penuh minat .